

CNS1659

R GB 23-10 00168 BH604

AAB

Mahathir - Keating

KEATING GAGAL PUJUK MAHATHIR HADIRI PERSIDANGAN KEMUNCAK APEC  
Daripada Kuah Guan Oo

I

LIMASSOL (Cyprus), 23 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat berkata, beliau boleh menemui Presiden Bill Clinton pada masa lain dan tidak semestinya pada persidangan kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle bulan depan.

Katanya, beliau menyampaikan pendiriannya kepada Perdana Menteri Australia, Paul Keating, yang menemuinya buat kali pertama pada Jumaat untuk perbincangan dua hala yang berlangsung lebih sejam.

Beliau memberitahu wartawan dari Malaysia bahawa Keating cuba meyakinkannya supaya menghadiri persidangan kemuncak itu yang dicadangkan Presiden Clinton, sambil berkata bahawa beliau (Keating) berpendapat kerajaan Amerika yang ada sekarang benar-benar mengalihkan pandangan terhadap Asia berbanding Eropah.

Pada perbincangan dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong sebelum ini, Dr Mahathir berkata, beliau memberitahu pemimpin Singapura itu bahawa beliau tidak akan menghadiri persidangan kemuncak itu, terutamanya apabila mereka mencadangkan persidangan itu diadakan tiga tahun sekali. --  
Lagi

♥23/10/10-04MST

R GB 23-10 00155 BH605

AAB

Mahathir - Keating 2 Limassol

Perdana Menteri juga berkata, keengganannya menghadiri persidangan kemuncak di Seattle mempunyai kaitan dengan kedudukan Pentadbiran Clinton terhadap Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang tidak begitu jelas pada masa ini.

EAEC, yang diperjuangkan negara-negara Asean, merupakan satu forum perundingan bagi negara-negara di rantau itu membiincangkan isu-isu perdagangan.

Dr Mahathir berkata, Keating yang "amat berminat" mengenai Apec "tidak memaksa saya bersetuju untuk hadir" pada pertemuan di Seattle itu.

Katanya, pemimpin Australia itu memberitahunya bahawa Apec tidak akan menjadi sebuah blok perdagangan dan "Apec mahu berdagang dengan semua orang."

"Beliau sebenarnya mencadangkan supaya saya pergi dan menemui Clinton," katanya.

Apabila dinyatakan bahawa Australia juga tidak begitu "positif" terhadap EAEC, Dr Mahathir berkata: "Tetapi Australia tidak mempunyai pengaruh seperti yang dimiliki AS terhadap Jepun dan Korea."

Katanya, sehingga AS bersetuju, Jepun dan Korea tidak akan menyertai EAEC. -- Lagi

♥23/10/10-30MST

R GB 23-10 00139 BH606

AAB

Mahathir - Keating 3 (Akhir) Limassol

Berhubung perbincangan mereka mengenai hubungan dua hala, Dr Mahathir berkata, hubungan itu sedikit renggang "tetapi pada keseluruhannya, hubungan dagang antara kedua-dua negara berkembang."

Beliau berkata, mereka juga berbincang mengenai orang hanyut Vietnam yang masih berada di Malaysia dan sama ada Australia dapat menempatkan semula sebahagian daripada mereka.

Ketika ditanya sama ada Keating membangkitkan soal percubaan mendapatkan ekstradisi terhadap Raja Kamarul Bahrin Raja Ahmad Shah, beliau berkata, perkara itu tidak dibincangkan pemimpin itu.

Australia cuba mendapatkan ekstradisi terhadap putera raja dari Terengganu itu yang didakwa melarikan anak lelaki dan perempuannya atas alasan melanggar perintah Mahkamah Keluarga yang memberi hak penjagaan anak-anak itu kepada ibu mereka, Jacqueline Gillespie, seorang warganegara Australia yang juga bekas isteri Raja Kamarul Bahrin. -- Bernama

KGO ZU

▼23/10/10-33MST